

**SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI ACEH DARI
ABAD KE-16 SEHINGGA ABAD KE-19**
*(History of the Development of Islamic Educational Institutions In Aceh
From 16th Century to the 19th Century)*

Mohamad Fikri Mohd Bakri*, Muhammad Farhan Ishak** & Adlin Shaimi Baharom***

Abstrak

Abad ke-16 merupakan abad kegemilangan Kesultanan Aceh Darussalam selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Kedatangan Islam ke Aceh telah disambut baik oleh penduduk setempat. Oleh itu, seiring dengan peredaran masa, Aceh telah mencapai fasa kegemilangannya di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Semasa zaman pemerintahan baginda, telah muncul pelbagai institusi-institusi pendidikan Islam seperti seperti Balai Setia Ulama, Balai Setia Hukama, Balai Jemaah Himpunan Ulama, meunasah dan masjid. Dengan penubuhan institusi Islam ini, maka pelbagai cendekiawan Islam berjaya dilahirkan seperti Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumaterani. Perkembangan institusi pendidikan Islam di Aceh jelas menunjukkan usaha yang dilakukan oleh Sultan Iskandar Muda untuk menjadikan Islam itu sebagai cara hidup di dalam masyarakat Aceh. Kajian ini membincangkan mengenai perkembangan institusi pendidikan Islam di Aceh dari abad ke-16 sehingga abad ke-19 dan juga sumbangannya kepada dunia Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Dari aspek pengumpulan data, ia menggunakan kaedah dokumentasi dan data analisis menggunakan kaedah analisis teks dan kandungan.

Kata kunci: Aceh, Sultan Iskandar Muda, Islam, institusi, cendekiawan

Abstract

The 16th century was the golden age of the Sultanate of Aceh Darussalam after the fall of the Malacca Malay Kingdom. The arrival of Islam to Aceh has been welcomed by the local population. Therefore, along with the passage of time, Aceh has reached its glory phase under the rule of Sultan Iskandar Muda. During his reign, various Islamic educational institutions have appeared such as the Balai Setia Ulama, Balai Setia Hukama, Jamaah Himpunan Ulama, meunasah and mosques. With the establishment of this Islamic institution, various Islamic scholars were successfully born such as Hamzah Fansuri and Syamsuddin al-Sumaterani. The development of Islamic educational institutions in Aceh clearly shows the efforts made by Sultan Iskandar Muda to make Islam a way of life in Acehnese society. This study discusses the development of Islamic educational institutions in Aceh from the 16th century to the 19th century and also its contribution to the Islamic world. This study is a qualitative study that uses a library research approach. From the aspect of data collection, it uses documentation methods and data analysis using text and content analysis methods.

Keywords: Aceh, Sultan Iskandar Muda, Islam, institutions, scholars

* Mohamad Fikri Mohd Bakri, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: bakrifikri07@gmail.com

** Muhammad Farhan Ishak, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: farhanishak009@gmail.com

*** Adlin Shaimi Baharom, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: adlinshaimi5@gmail.com

Pendahuluan

Kesultanan Aceh Darussalam adalah sebuah kerajaan Melayu yang tidak asing lagi di Nusantara. Ianya amat dikenali berikutan peranannya yang signifikan sebagai pelabuhan yang menjadi pusat tumpuan perdagangan selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada abad ke-16.

Aceh yang dahulunya adalah kerajaan Islam Perlak dan Samudera-Pasai, merupakan wilayah pertama di kepulauan Melayu yang menerima dakwah Islam. Ini dibuktikan dengan catatan seorang ulama iaitu Ishak Makarani al-Fasy yang menyebut bahawa kerajaan Islam Perlak diasas dan didirikan pada 1 Muharram 225 Hijrah bersamaan tahun 840 Masihi. Raja pertamanya ialah Sultan Alauddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah.¹ Setelah Islam diterima dan disambut baik oleh pemerintah dan penduduk setempat, ia seterusnya digubal menjadi dasar pentadbiran dan secara tidak langsung, Islam menyerap masuk dan menjadi elemen penting dalam pembangunan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Aceh.

Kesultanan Aceh mencapai fasa kegemilangan dan zaman emasnya di bawah pemerintahan dan pentadbiran Sultan Iskandar Muda pada tahun 1607 sehingga 1637 Masihi. Hal ini kerana Sultan Iskandar Muda amat menitikberatkan tentang Islam dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memajukan Aceh sebagai wilayah Islam yang disegani. Antaranya, Sultan Iskandar Muda amat berminat dengan ilmu tasawuf dan telah memberi sokongan kepada para ulama tasawuf seperti Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumaterani untuk mengembangkannya. Dan bertitik tolak dari perkembangan tasawuf ini juga, pelbagai institusi pendidikan Islam mula diasaskan seperti Balai Setia Ulama, Balai Setia Hukama, Balai Jemaah Himpunan Ulama, meunasah dan masjid. Kesemua ini jelas menunjukkan komitmen yang dicurahkan Sultan Iskandar Muda untuk melihat rakyatnya iaitu masyarakat Aceh mempraktikkan Islam sebagai satu cara hidup yang terbaik.²

Penulisan ini memfokuskan bagaimana Islam mampu diterapkan sebaiknya kepada masyarakat Aceh melalui sistem pendidikan Islam yang dirangka dan dijalankan di pelbagai institusi Islam yang wujud di Aceh.

Institusi Pendidikan Islam

Sebelum kita membincangkan secara ringkas berkenaan dengan institusi pendidikan Islam yang terdapat di Aceh, wajar untuk kita mendalami apa yang dimaksudkan dengan pendidikan Islam itu sendiri.

Menurut Hasan Syarqawi, beliau menyifatkan pendidikan Islam sebagai satu kefahaman terhadap ajaran Islam yang membawa seorang manusia kepada menjauhi diri dari sifat-sifat tercela dan mendekatkan diri dengan sifat-sifat terpuji. Semuanya ini akan dapat mencerdikkan akal, menguatkan tubuh badan, membersihkan diri dan menyucikan hati tanpa menjadikan salah satu daripadanya melemahkan yang lain. Baginya, pendidikan Islam ialah satu usaha untuk menyeimbangkan dan menyamakan diantara kekuatan yang ada pada tubuh

¹ Iswandi, *Pilar-Pilar Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh*, Jurnal EDudeena 3(2).

² Lailatul Solikah, *Perkembangan Agama dan Budaya Islam di Aceh Pada Masa Sultan Iskandar Muda (1607-1637)*.

badan dan antara kekuatan diri dan hubungannya dengan Allah, kejadian sekeliling dan manusia seluruhnya.³

Berdasarkan definisi pendidikan Islam yang dikemukakan Hasan Syarqawi ini, jelaslah bahawa institusi-institusi pendidikan Islam adalah badan-badan yang berperanan menerapkan nilai pendidikan yang berdasarkan kepada acuan Al-Quran dan Al-Sunnah di mana seterusnya membawa kepada pembentukan sahsiah dan peribadi mulia yang berteraskan nilai Islam.

Terdapat beberapa institusi yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di Aceh iaitu :

- a) Meunasah
- b) Masjid
- c) Rangkang
- d) Dayah
- e) Balai Setia Hukama dan Balai Setia Ulama
- f) Balai Jamaah Himpunan Ulama
- g) Jamiah / Universiti Baitulrahman

Meunasah

Pada awalnya, perkataan ‘meunasah’ ini dirujuk kepada madrasah dan lama kelamaan ia disebut sebagai ‘meunasah’ itu sendiri. Di dalam masyarakat Aceh, meunasah ini memainkan peranan yang sangat penting. Ia wujud di setiap perkampungan yang ada di Aceh. Malah, peranannya hampir sama dengan masjid tetapi solat Jumaat tidak dilaksanakan di meunasah ini. Namun, masyarakat Aceh cenderung untuk menganggap meunasah bukannya masjid. Meunasah dan masjid adalah dua entiti yang berbeza.⁴

Seperti yang ditekankan, meunasah merupakan institusi pendidikan Islam awal yang dibangunkan pemerintah untuk kelangsungan pendidikan Islam rakyat Aceh. Pada peringkat meunasah ini, subjek-subjek asas diajarkan kepada anak-anak kecil seperti fardhu ain dan amalan ibadah. Terdapat juga subjek lain yang diterapkan dalam sistem pengajian meunasah ini seperti al-Quran, ulum hadith, ilmu hisab, ilmu falak dan juga fiqh. Silibus pengajian yang dibekalkan untuk anak-anak orang kampung ini amat bersesuaian dengan peringkat awal yang kebanyakannya memfokuskan pendidikan Islam awal untuk kanak-kanak kecil. Hal ini sangat dititikberatkan oleh Sultan Iskandar Muda iaitu pada fasa kegemilangan Kesultanan Aceh Darussalam. Aspek pendidikan Islam tidak boleh dipandang enteng disebabkan ia adalah asas kepada kekuatan masyarakat di mana nilai intelektual memainkan peranan penting dalam kekuasaan dan kegemilangan sesebuah kerajaan.

Meunasah ini bukan sekadar menjadi institusi pendidikan Islam, namun ia juga berfungsi sebagai institusi sosial, kebudayaan dan kemasyarakatan. Dari sudut pendidikan agama, ia berfungsi sebagai tempat berlangsungnya pengajian dan kelas-kelas agama dan majlis-majlis perayaan agama seperti maulid Nabi dan ceramah agama. Meunasah juga menjadi lokasi perbincangan dan diskusi masalah agama, tempat berhujah, tempat berqasidah

³ Nor, M. R. M. (2011). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*, Jurnal At-Ta'dib, 6, 1.

⁴ Ibrahim, M. (2014). *Dayah, Mesjid, Meunasah Sebagai Lembaga Pendidikan Dan Lembaga Dakwah Di Aceh*, Jurnal Al-Bayan, 21(30).

memuji Nabi serta tempat belajar dan bermain anak-anak. Dan dari sudut kebudayaan pula, meunasah berperanan sebagai tempat bermesyuarat, tempat berhimpun dan berkumpul masyarakat kampung serta tempat di mana para pemuda berkumpul dan bermalam. Kesimpulannya, jika dilihat dari konteks Malaysia, meunasah ini berfungsi seperti balai kampung dan juga surau/masjid sekaligus.

Meunasah dipimpin oleh Tengku Imeum, Imeum Meunasah atau Imeum. Tengku Imeum bertugas untuk memimpin solat jemaah, menjalankan pengajian dan kelas-kelas agama serta berperanan juga sebagai ketua kampung.

Masjid

Masjid merupakan institusi pendidikan Islam yang terawal hatta dalam sejarah Islam sendiri. Masjid terawal di dalam Islam ialah Masjid Quba'. Ia dibina sewaktu ketibaan Rasulullah S.A.W. di Yathrib (nama lama Madinah al-Munawwarah). Pada zaman tersebut, masjid dianggap sebagai tempat yang paling utama dalam berperanan kepada masyarakat dalam semua aspek kehidupan seperti politik, ekonomi dan juga sosial. Masjid menjadi lokasi peribadatan, penyebaran risalah wahyu, bermusyawarah dan berbincang, tempat membayar zakat, tempat para asnaf menumpang teduh (suffah), penyimpanan khazanah ilmu dan lain-lain lagi. Dan zaman bertukar zaman, fungsi masjid masih lagi kekal dan di sesetengah tempat wilayah Islam, dan peranan masjid diperluaskan lagi untuk kebaikan dan manfaat yang lebih besar.

Sejak Islam berpaksi di bumi Aceh, masjid-masjid telah dibina dan dibangunkan di setiap permukiman atau daerah. Hal ini berbeza keadaan keperluannya dengan meunasah di mana meunasah dibina dalam setiap kampung dan desa. Peranan masjid di Aceh tidak kurang hebatnya dengan institusi pendidikan lain seperti meunasah. Masjid berfungsi sebagai tempat peribadatan masyarakat Islam seperti solat jemaah, solat Jumaat, pembayaran zakat dan sebagainya.

Khutbah Jumaat menjadi satu program yang sangat penting di masjid. Khutbah Jumaat menjadi medium teguran ke arah kebaikan, mengukuhkan akidah dan kefahaman Islam, mendidik umat Islam tentang hukum-hakam ibadah dan juga memupuk perpaduan umat sejagat. Khutbah juga berperanan penting untuk mendidik kaum lelaki Islam yang menjadi tunjang kepada keluarga mereka. Oleh itu, pengisian-pengisian yang diterapkan di dalam khutbah Jumaat dianggap sebagai salah satu medium pendidikan secara tidak langsung.⁵

Pada zaman penjajahan Belanda ke atas Aceh dan kepulauan Indonesia (pada hari ini), masjid juga berperanan sebagai tempat berkumpul sultan dan para pembesar Melayu untuk bermesyuarat dan merangka strategi dalam melaksanakan penentangan terhadap imperialis Barat.

⁵ Ibrahim, M. (2014). *Dayah, Mesjid, Meunasah Sebagai Lembaga Pendidikan dan Lembaga Dakwah di Aceh*, *Jurnal Al-Bayan*, 21(30).

Rangkang

Diantara salah satu institusi islam yang utama dalam sistem pendidikan Aceh ialah institusi rangkang. Rangkang merupakan sebuah institusi pendidikan yang berada di peringkat kedua selepas meunasah iaitu selepas santri ataupun pelajar menamatkan pengajian di meunasah, mereka akan menyambung pengajian di rangkang. Sebagai sebuah lembaga pendidikan menengah, di rangkang diajarkan mata pelajaran agama seperti fekah , ilmu tauhid, akhlak, dan bahasa Arab. Buku-buku yang digunakan kebanyakannya berbahasa Melayu dan sedikit buku berbahasa Arab.. Dalam pembelajaran bahasa Arab penekanan dititikberatkan kepada ilmu nahu dan sorof. Kemudian murid akan dibimbing untuk membaca kitab tafsir, hadis, dan fekah yang berbahasa Arab, serta menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu.⁶ Kitab-kitab yang digunakan umumnya buku-buku bermazhab Syafi'i. Tiada tempoh yang khusus ditentukan oleh seorang pelajar itu belajar di peringkat rangkang, akan tetapi ia ditentukan oleh kemampuan pelajar dalam menyelesaikan pelajarannya. Murid yang dapat menyelesaikan pelajarannya dapat melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dayah. Bagi murid yang tidak meneruskan pengajiannya ke dayah, mereka akan meminta izin dari guru untuk pulang ke kampung menjadi pendakwah atau mengajar di meunasah.

Rangkang pada umumnya lebih dikenali sebagai tempat tinggal bagi pelajar yang ingin memondok, lalu mereka akan membina rangkang di kawasan yang berhampiran dengan pusat pengajian yang mereka belajar contohnya disekitar masjid.⁷ Menurut peraturan di dalam Qanun Meukuta Alam, bahwa dalam setiap mukim harus didirikan sebuah masjid sebagai pusat segala kegiatan umat Islam sekaligus menjadi pusat pendidikan dalam mukim tersebut. Murid pada pendidikan tingkat pertama pada saat itu memondok di masjid, maka mereka perlu mendirikan pondok di sekeliling masjid sebagai asrama yang dinamakan rangkang, kerana itulah pendidikan tingkat pertama ini dinamakan dengan rangkang Pembangunan rangkang sebagai sebuah institusi pendidikan Islam telah dimajukan sewaktu zaman kegemilangan Aceh di bawah perintahan Sultan Iskandar Muda. Dengan adanya institusi dan sistem pengajian yang terancang, rangkang telah berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan di sekitar masjid-masjid utama seperti Masjid Baiturrahman.

Menjelang hujung abad ke-19, penjajahan Belanda telah membawa kepada perang Aceh yang berlangsung sejak tahun 1873 sampai tahun 1903. Hal ini telah membawa impak yang besar kepada institusi seperti meunasah, rangkang dan dayah. Banyak ulama yang mati syahid di samping rumah dan pusat pengajiannya hancur. Selepas tamat siri peperangan itu maka para ulama mula kembali membangunkan semula meunasah, rangkang dan dayah. Sehingga tahun 1930 Masihi, telah berdiri puluhan dayah dan rangkang di pelbagai kawasan di Aceh.

Keberadaan rangkang sebagai sebuah institusi pendidikan Islam telah membantu Aceh dalam mencetak ramai ulama-ulama disamping menguatkan bentengnya dalam mempertahankan agama Islam di Nusantara selepas kejatuhan Melaka. Peringkat pengajian rangkang ini juga sedikit sebanyak telah memelihara sistem pendidikan Islam ketika itu kerana para pelajarnya perlu melalui tingkatan-tingkatan yang betul dalam menuntut ilmu.

⁶ Iswandi, *Pilar-Pilar Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh*, Jurnal EDudeena 3(2).

⁷ Pendidikan Islam Pada Masa Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M)

Dayah

Dalam menjayakan misi untuk membangunkan Kesultanan Aceh sebagai sebuah kerajaan yang terulung, para sultan telah menggagaskan pelbagai inisiatif bagi memajukan Aceh dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan. Aceh yang berperanan sebagai pusat dakwah di Nusantara selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka telah memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan agama Islam di Nusantara. Salah satu lembaga pendidikan yang tertua dan terawal dalam sejarah Aceh ialah dayah. Dayah dikenali dengan pangilan ‘pasentren’ di Kepulauan Jawa, di Padang disebut ‘surau’, sementara di Patani dan Malaysia disebut sebagai ‘pondok’.⁸ Dayah diambil daripada perkataan arab iaitu *zawiyah* yang bermaksud sudut. Mengambil pengajaran daripada peristiwa pembelajaran ilmu yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW di sudut-sudut Masjid Nabawi, maka masyarakat Aceh telah menamakan tempat pengajian mereka dengan nama dayah. Dayah telah memainkan peranan yang penting sebagai sebuah institusi dalam menyebarkan agama islam kepada masyarakat Aceh khususnya dan juga masyarakat Islam di Nusantara. Kewujudan institusi dayah dalam kalangan masyarakat Aceh telah memudahkan mereka untuk merujuk dan memutuskan sebarang keputusan yang melibatkan hukum-hakam bagi menjamin keadilan. Keberadaan dayah sebagai sebuah institusi pendidikan Islam di Aceh telah melahirkan ramai tokoh ilmuan dan alim ulama pada masa itu, malah dicatatkan bahawa Sultan Iskandar Muda juga merupakan salah seorang alumni sebuah dayah.

Institusi dayah dikatakan telah wujud sejak zaman kerajaan Islam Perlak sebelum berkembang dengan pesat pada abad ke-16 hingga 19 dibawah pimpinan kerajaan Aceh. Menurut A. Hasyimi, seorang sejarawan Aceh, beliau berpendapat bahawa institusi dayah telah ada di Aceh sejak awal berdirinya kerajaan Islam Perlak iaitu pada bulan Muhamarram 225 Hijrah bersamaan 840 Masihi. Hal ini telah menunjukkan bahawa dayah telah menjadi sebuah institusi yang penting dan tertua dalam perkembangan pendidikan Islam di Nusantara. Antara dayah yang terawal wujud ialah Dayah Cot Kala. Sejarah membuktikan bahawa Sultan pertama di kerajaan Perlak (840 M), meminta beberapa ulama dari tanah Arab, Gujerat dan Parsi untuk mengajar di lembaga ini. Untuk itu, sultan membina satu dayah yang diberi nama “Dayah Cot Kala” yang dipimpin oleh Teungku Muhammad Amin namun kini dikenali dengan sebutan Teungku Chik Cot Kala. Lembaga ini merupakan lembaga pendidikan tinggi Islam pertama di kepulauan Nusantara.⁹

Pada zaman kesultanan Aceh, dayah menawarkan tiga peringkat pengajian iaitu *rangkang* (junior), *balee* (senior), dan *dayah manyang* (universiti). Di beberapa dayah hanya terdapat rangkang dan balee, sedangkan di tempat lain hanya ditemui peringkat dayah manyang sahaja. Meskipun demikian di tempat tertentu juga terdapat tiga tingkatan sekaligus iaitu bermula dengan junior hingga ke peringkat universiti. Sebelum murid belajar di dayah, mereka mestilah sudah mampu membaca al-Quran yang mereka pelajari di rumah atau di meunasah dari seorang teungku. Orang yang pergi untuk menuntut ilmu agama di dayah sering disebut dengan *meudagang*. Metode pengajaran di dayah pada dasarnya dengan cara *talaqqi*, meudrah dan metode hafalan. Pada kelas yang lebih tinggi, metode diskusi dan debat (meudeubat) sangat dianjurkan dalam segala aktiviti proses pembelajaran. Para teungku biasanya berfungsi sebagai moderator, yang kadang-kadang juga berperanan sebagai pembuat keputusan.¹⁰

⁸ Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*, (Banda Aceh: PENA, 2008)..

⁹ Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah, Pengawal Agama Masyarakat Aceh* (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003).

¹⁰ Rusdi Sufi, *Pandangan dan Sikap Ulama di Daerah Istimewa Aceh* (Jakarta: LIPI, 1987).

Dayah mempunyai persamaan dengan sistem sekolah menengah atas atau madrasah ‘Aliyah, Sewaktu era kegembilan kesultanan Aceh, institusi dayah boleh dikatakan ada dalam setiap daerah Nanggroe (negeri). Kadang-kadang ada dayah yang berpusat pada masjid bersama dengan rangkang tetapi kebanyakannya dayah berdiri sendiri di luar lingkungan masjid. Mereka mendirikan sebuah balai utama yang digunakan sebagai tempat belajar dan solat berjamaah. Di antara mata pelajaran yang diajarkan di dayah ialah bahasa Arab, dengan menggunakan kitab-kitab bahasa Arab, fiqh, tauhid, tasawuf, aqidah, tarikh, tafsir, hadith dan nahu. Pada waktu malam yang tertentu, para pelajar akan dilatih cara berdakwah atau berpidato. Para pelajar ataupun disebut santri yang baru memulakan pengajian akan diarahkan untuk memulakan pengajian diperingkat rangkang terlebih dahulu sebelum belajar dengan teungku syeikh (Tuan Guru Dayah).¹¹ Terdapat dua jenis dayah iaitu yang bersifat umum dan dayah yang bersifat khusus untuk wanita sahaja yang mana para pelajarnya akan diajar dengan ilmu-ilmu pertanian, pertukangan, perniagaan dan sebagainya yang selari dengan syariat Islam.¹²

Bukan itu sahaja, pada era Sultanah Safiauddin Tajul Alam, dayah-dayah banyak didirikan. Tidak hanya di wilayah Aceh bahkan meluas hingga ke wilayah luar, seperti di Ulakan Sumatera Barat, Yan Kedah, Siak Seri Indrapura dan lain-lain. Di era pemerintahannya pula, baginda Sultanah banyak membangunkan pusat-pusat pendidikan di samping ia dibuka umum untuk lelaki dan perempuan dengan mengenepikan segala perbezaan. Hal ini kerana baginda menyedari melalui pendidikan, peranan kaum wanita atau perempuan dalam pelbagai bidang kehidupan dapat ditingkatkan.

Pembangunan dayah tidak hanya terjadi pada masa kejayaan Kerajaan Aceh Darussalam, tetapi juga pada masa kemundurannya (akhir abad ke-18 dan ke-19). Sejumlah dayah yang didirikan dan berkembang selama abad ini antara lain ialah:

- a) Dayah Tgk. Chiek Tanoh Abe iaitu terletak di dekat Selimeum (Aceh Besar). Dayah ini dianggar dibina pada sekitar awal abad ke-19 oleh seorang ulama yang datang dari Baghdad, Syeikh Idrus Bayan (Teungku Chiek Tanoh Abe), atas permintaan Sultan Muhammad Syah (1824-1836M). Dayah ini termasuk dayah yang besar dan paling berpengaruh selama abad ke-19. Sehingga kini, dayah ini mempunyai khazanah yang lengkap dengan buku-buku hasil karya para ulama terkenal masa lampau di mana ada di antaranya yang berumur lebih 400 tahun.
- b) Dayah Tgk. Chiek Kuta Karang (Dayah Ulee Susu). Dayah ini dianggarkan berdiri pada sekitar separuh kedua abad ke-19 oleh Syeikh Abbas Ibnu Muhammad (Teungku Chiek Kuta Karang) yang pada waktu itu menjadi Kadi Malikul Adil Sultan Ibrahim Mansyur Syah (1857 – 1870M).
- c) Dayah Lam Birah. Dayah ini dibangunkan pada akhir abad ke-18 oleh dua bersaudara iaitu Ja Meuntroe dan Bendahara yang keduanya kemudian diberi gelaran dengan Teungku Chiek Lam Birah. Mereka hidup sekitar zaman pemerintahan Sultan Johan Syah (1735- 1960M) dan masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah atau Tuanku Raja (1760- 1781M). Setelah itu, selama abad ke-19 dayah ini dipimpin oleh Teungku Chiek Cot Keupeung dan Teungku Chiek Lam Baro.
- d) Dayah Tgk. Chiek Pantee Geulima, di Aceh Pidie. Dayah ini didirikan pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1870-1874) oleh Teungku Chiek Pantee Ya’cob,

¹¹ Muhsinah Ibrahim, *Dayah, Mesjid, Meunasah Sebagai Lembaga Pendidikan dan Lembaga Dakwah di Aceh*, Jurnal Al-Bayan / VOL. 21, NO. 30, JULI - DESEMBER 2014

¹² Mahayudin, 2000, *Tamadun Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti,hlm. 317.

seorang ulama yang dianggap sebagai pengarang hikayat terkenal, Hikayat Malem Dagang. Namun yang lebih dikenal sebagai Teungku Chiek Pantee Geulima ialah anaknya Teungku Chiek Haji Ismail. Selama tempoh perang, ulama ini turut aktif melawan Belanda dengan mengerahkan sebahagian besar murid (santri)-nya ke medan pertempuran sampai ke Aceh Besar. Pada bulan Februari 1901, Teungku Chiek Haji Ismail gugur dalam pertempuran mempertahankan Kuta Batee Iliek (Samalanga) bersama dengan para ulama pemimpin dayah di sekitar benteng pertahanan itu (antara lainnya ialah Teungku Chiek Lueng Keubeu dan Teungku Chiek Kuta Glee).

Perkembangan dayah yang berlangsung sepanjang abad ke-16 hingga ke-19 telah membuktikan bahawa kerajaan Aceh telah mengangkat institusi pendidikan Islam di peringkat yang tinggi dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiyah di samping menjadi pusat perkembangan agama Islam yang utama ketika itu di rantau Nusantara. Bukan itu sahaja, institusi dayah di Aceh juga telah menjadi suatu contoh dan penanda aras bagi sistem pengajian di Indonesia pada masa kini. Pelbagai intipati dari sistem dayah telah diaplikasikan di peringkat nasional negara Indonesia kerana dayah telah memperlihatkan kejayaan yang besar dalam perkembangan agama Islam di rantau Nusantara suatu ketika dahulu.

Jami'ah Baiturrahman

Semasa Sultan Iskandar Muda memerintah Aceh digambarkan dalam rentetan sejarah bahawa masyarakat Aceh ketika itu sangat taat dengan ajaran Islam. Pada masa itu pula, dalam sejarah perkembangan kerajaan Aceh Darussalam dikatakan bahwa ilmu pengetahuan berkembang dengan cukup pesat apabila sultan berusaha memajukan pelbagai sektor pendidikan, antaranya ialah pendidikan agama, pendidikan bahasa, pendidikan ilmu hukum, seni kebudayaan, ketenteraan dan sebagainya. Di saat Sultan Iskandar Muda memegang tumpuk kekuasaan, Aceh telah menjadi pusat pendidikan utama di rantau Nusantara. Agama Islam benar-benar meresap ke dalam jiwa masyarakat Aceh ketika itu, sehingga tidak pelik jika Aceh mendapat julukan ‘serambi Mekkah’. Dicatatkan oleh ahli sejarah tempatan dan luar negara bahawa Aceh adalah pusat ilmu pendidikan dan kerajaan Aceh merupakan kerajaan yang masyhur di antara kerajaan-kerajaan lain.

Dalam meneruskan tradisi keilmuan Islam, Aceh sebagai sebuah pusat dakwah yang penting selepas kejatuhan kota Melaka di tangan Portugis telah menyusun beberapa institusi pendidikan yang bertaraf dunia ketika itu iaitu dengan menubuhkan sebuah universiti yang diberi nama “Jami’ah Baiturrahman”. Jami’ah ini telah bertindak sebagai institusi di peringkat tertinggi dalam sistem pendidikan Aceh ketika itu. Jami’ah Baiturrahman terletak di ibu kota Kesultanan Aceh iaitu Banda Aceh. Jami’ah ini pada mulanya merupakan sebuah masjid jami’ bagi penduduk di Banda Aceh yang dikenali sebagai Masjid Jami’ Baiturrahman. Masjid ini telah dibangun pada era pemerintahan Sultan Alaidin Mahmud Syah I, iaitu sekitar tahun 1292 Masihi. Masjid ini terus dikembangkan oleh sultan-sultan setelahnya. Sultan Iskandar Muda merupakan salah satu sosok yang paling menonjol dalam mengembangkan masjid ini sehingga menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi. Peranan masjid ini telah berubah di mana ia tidak hanya digunakan untuk beribadat tetapi dilakukan kelas-kelas pengajian dalam pelbagai bidang ilmu.

Universiti ini mempunyai beberapa fakulti yang digelar “dar”. Diantara “dar” tersebut ialah:

- a) Darul Tafsir wal Hadis (Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadis)
- b) Darul Tib (Fakulti Perubatan)
- c) Darul Kimia (Fakulti Kimia)
- d) Darul Tarikh (Fakulti Ilmu Sejarah)
- e) Darul Hisab (Fakulti Ilmu Pasti/Hisab/Matematik)
- f) Darul Siyasah (Fakulti Ilmu Politik)
- g) Darul Aqli (Fakulti Ilmu Akal)
- h) Darul Zira'ah (Fakulti Pertanian)
- i) Darul Ahkam (Fakulti Undang-undang)
- k) Darul Falsafah (Fakulti Falsafah)
- l) Darul Wizarah (Fakulti Ilmu Pemerintahan)
- m) Darul Khasanah Baitul Mal (Fakulti Ilmu Perbendaharaan/Kewangan)
- n) Darul Ardli (Fakulti Perlombongan)
- o) Darul Nahwu (Fakulti Bahasa Arab)
- p) Darul Mazahib (Fakulti Perbandingan Mazhab/ Agama)
- q) Darul Har (Fakulti Ilmu Peperangan)

Kepelbagaiannya fakulti di Universiti Baiturrahman ini telah menjadi bukti kukuh ketinggian ketamadunan Melayu umumnya dan kehebatan serta keintelektualan masyarakat Aceh khususnya pada zaman itu. Keadaan ini, dipertegaskan lagi melalui seorang pengembala Perancis iaitu Beaulieu yang pernah berkunjung ke Aceh dalam abad ke-17 dengan menyatakan bahawa di Aceh ketika itu sedang berkembangnya ilmu pengetahuan hingga dikatakannya bahawa di Aceh tiada lagi orang yang buta huruf.

Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda, kebanyakannya tenaga pengajar Jami’ah tersebut terdiri daripada ulama-ulama Aceh. Di antaranya ialah Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Nuruddin Ar-Raniry, Syeikh Alaiddin Ahmad, Syeikh Muhyiddin Ali, Syeikh Taqiuddin Hasan, Syeikh Saifudin Abdulkahar, Syeikh Kamaluddin, juga Seri Faqih Zainul Abidin Ibnu Daim Mansur. Selain itu, juga didatangkan tenaga pengajar dari luar negeri seperti dari Arab, Turki, Parsi dan India. Bahkan tidak kurang dari 44 orang tenaga pengajar yang didatangkan dari luar negeri pada masa itu. Mereka sengaja didatangkan untuk mengajarkan pelbagai ilmu yang berkualiti dan komprehensif. Hal ini secara tidak langsung telah menjadikan Jami’ah Baiturrahman sebagai sebuah institusi yang terulung di rantau Nusantara ketika itu.

Selain itu, turut dicatat dalam lembaran sejarah bahawa Sri Ratu Tajul Alam Safiuddin iaitu seorang puteri dari kalangan kerabat diraja Aceh telah belajar bersama-sama Sultan Iskandar Sani dan anak-anak istana lain bersama para cendekiawan hebat di universiti terkenal iaitu Jami’ah Baiturrahman. Pembelajaran mereka bermula sejak baginda berumur tujuh tahun lagi. Dalam buku “Wanita Aceh Sebagai Negarawan Dan Panglima Perang”, A. Hasjmy menulis bahawa :

“Sejak berusia 7 tahun, Safiatuddin telah belajar dengan anak-anak istana dengan para ulama terkenal seperti Shaykh Hamza Fansuri, Syeikh Nuruddin Ar-Raniry, Seri Zainal Abiddin Faqih Ibn Mansur Daim. Sheikh Kamaluddin, Sheikh Ahmad Alaidin, Muhyiddin Sheikh Ali, Sheikh Taqiuddin dan Sheikh

Hasan Saifuddin Abdul Kahar dan lain-lain. Kesemuanya adalah guru hebat (professor) di Jami'ah Baiturrahman”.

Kewujudan Jami'ah Baiturrahman telah berjaya membentuk masyarakat Aceh secara holistik melalui pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan di mana ia tidak hanya menumpukan kepada pengajian agama Islam semata-mata tetapi turut dimasukkan siri pengajian ilmu yang lain. Jami'ah Baiturrahman ini juga secara tidak langsung berjaya muncul sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal dan setaraf dengan universiti lain seperti Universiti Al-Azhar kerana ia juga telah menjadi tempat utama bagi pelajar di sekitar Nusantara untuk melanjutkan pelajaran.

Balai Setia Hukama, Balai Setia Ulama dan Balai Jama'ah Himpunan Ulama

Di antara inisiatif lain yang dilakukan oleh Sultan Iskandar Muda sewaktu memegang tumpuk pemerintahan Kesultanan Aceh ialah baginda telah mendirikan suatu lembaga pendidikan yang dikenali sebagai Lembaga Negara yang berfungsi sebagai sebuah badan yang membicarakan soal pendidikan dan ilmu pengetahuan. Antara lembaga-lembaga tersebut ialah:

1. Balai Setia Hukama merupakan lembaga ilmu pengetahuan, tempat berkumpulnya para ulama, ahli fikir dan cendekiawan untuk membahas dan mengembangkan ilmu pengetahuan.
2. Balai Setia Ulama merupakan jawatan pendidikan yang bertugas mengurus masalah-masalah pendidikan dan pengajaran.
3. Balai Jama'ah Himpunan Ulama merupakan kelompok pengajian bagi para ulama dan sarjana berkumpul untuk bertukar pendapat, membahas persoalan-persoalan pendidikan dan ilmu pengetahuan dan sebagainya.¹³

Melalui penubuhan Lembaga Negara yang terdiri daripada 3 jenis balai utama ini telah berjaya memajukan sektor pendidikan agama Islam di Aceh kerana adanya sistem yang teratur sekaligus sebagai suatu badan yang membicarakan tentang pendidikan dan ilmu pengetahuan secara khusus dan kritikal. Ketiga-tiga balai ini telah berfungsi sebagai sebuah institusi yang penting pada zaman kegemilangan Aceh.

¹³ Hasbullah, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta:Raja Grafindo Persada,2001), cet-ke 4,h.31-32

Sumbangan Perkembangan Institusi Pendidikan Islam Aceh Kepada Dunia Islam

1. Lahirnya tokoh-tokoh agamawan.

Hamzah al-Fansuri

Beliau dilahirkan di Fansur berdekatan dengan Barus dan beliau hidup dari pertengahan abad ke-16 hingga awal abad ke-17. Menurut Hasyimi, beliau hidup dalam tiga zaman pemerintahan sultan Aceh iaitu, Sultan Alauddin Riayat Syah IV (1589-1604M), Sultan Muda Ali Riayat Syah V (1804-1607M) dan awal masa pemerintahan Sultan Mahkota Alam (1607-1636M)¹⁴. Hamzah Fansuri merupakan seorang yang gemar menuntut ilmu di pelbagai tempat. Pendidikan pertama yang beliau perolehi adalah di tempat kelahiran beliau sendiri iaitu di Fansur. Kemudian beliau memulakan perjalanan menuntut ilmu ke pelbagai tempat seperti Pahang, Banten, Siam, Makkah dan selepas itu beliau pulang semula ke kampungnya Barus. Selain itu, beliau juga dikatakan mahir dan mampu untuk menguasai pelbagai bahasa seperti bahasa Jawa, Urdu, Parsi dan Arab. Beliau juga mahir dalam bidang tasawwuf dan merupakan pengikut fahaman *wahdat al-wujud* dan penganut tarekat Qadiriyah. Secara ringkasnya, *wahdat al-wujud* adalah fahaman yang menyatakan bahawa yang ada hanyalah Wujud yang Satu, semua alam semesta ini adalah manifestasi daripada Yang Satu itu dan wujud yang satu itu adalah Allah SWT.¹⁵ Selain daripada tasawwuf, beliau juga menguasai pelbagai bidang ilmu seperti ilmu fiqh, mantik, sejarah, sastera dan falsafah. Ilmu-ilmu ini juga turut diajar beliau kepada masyarakat Aceh.

Syamsuddin al-Sumaterani

Nama lengkap beliau ialah Syeikh Syamsuddin bin Abdullah al-Sumaterani. Tarikh dan tempat beliau dilahirkan masih lagi tidak diketahui sehingga kini. Semasa hayatnya beliau memegang jawatan sebagai seorang mufti dan penasihat kepada Sultan Iskandar Muda, seorang pembesar dan penghulu agama dan seorang syeikh yang terkemuka di dalam lingkungan istana Kerajaan Aceh Darussalam. Menurut *Hikayat Aceh*, kedudukannya sebagai penasihat sultan adalah kerana ilmu pengetahuannya yang tinggi dan bukanlah pemberian hadiah daripada sultan.¹⁶ Oleh sebab itu, beliau menerima pelbagai gelaran dan julukan daripada masyarakat mahupun sultan sebagai *Syaikh al-Islam*. Sememangnya julukan ini sangat bersesuaian dengan beliau dek kerana keilmuannya yang tinggi. Dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat, beliau menulis banyak kitab dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu. Antara kitab karangannya ialah *Mir'atul Muhaqqiqin*, *Kharaqah*, *Dairatul Wujud*, *Sirrul Anwar* dan banyak lagi. Beliau wafat pada 12 Rejab bersamaan tahun 1039H/1630M.

¹⁴ Iswandi (2019), *Pilar-pilar pendidikan Islam di Kesultanan Aceh vol 3*, Stai Yaptip Pasaman Barat. h.113

¹⁵ Abd Halim Rofi'ie (2010), *Wahdat al Wujud dalam pemikiran Ibnu Arabi*, Fakultas Hukum Universitas Brawijaya hlm. 136

¹⁶ Tirto Suwondo(1996), *Syamsuddin As-Sumaterani (Riwayat, Karya, Ajaran, Kecaman dan Pembelaanya)*, PANGSAPURA Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara hlm. 50.

Sheikh Nuruddin al-Raniri

Beliau merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi di kalangan orang Melayu kerana pelbagai kitab dan karya beliau masih lagi digunakan oleh para penuntut ilmu pada masa kini. Nama penuh beliau ialah Nuruddin Muhammad bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid ar-Raniri al-Quraisyi asy-Syafi'i. Beliau dilahirkan di sebuah tempat bernama Ranir iaitu sebuah pelabuhan lama yang terletak di Gujarat, India. Beliau merupakan seorang yang berketurunan Arab kerana bapanya berasal dari Hadramaut dan ibunya berbangsa Melayu.¹⁷ Pendidikan awal yang beliau perolehi adalah di negeri kelahirannya sendiri, Ranir dan kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Tarim, Yaman. Semasa pengajiannya di Tarim, beliau sempat menunaikan haji di Makkah dalam tahun 1620M. Setelah lama menuntut ilmu di perantauan, beliau pulang semula ke Aceh untuk menyebarkan ilmu di sana. Kedatangan beliau telah membawa sinar baru kepada masyarakat Aceh. Hal ini kerana, beliau berjaya menolak doktrin dan fahaman *wujudiyyah* yang dibawa oleh Hamzah al-Fansuri dan Syamsuddin as-Sumaterani. Ketika beliau dilantik menjadi Tengku Mahkota, beliau dilantik sebagai Syeikh al-Islam dan menggantikan Syamsuddin as-Sumaterani. Oleh itu, beliau menjadi berpengaruh dalam menasihati sultan dalam hal ehwal keagamaan, ekonomi dan politik. Dengan kedudukan beliau, Syeikh Nuruddin al-Raniri dapat merencanakan dan melaksanakan agenda serta strategi dakwah dan melancarkan serangan terhadap ajaran *wujudiyyah*. Oleh sebab itu, sultan menjatuhkan hukuman bahawa pengikut ajaran *wujudiyyah* perlu bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Keengganannya berbuat demikian menyebabkan mereka diperangi, dibunuhan dan buku-buku ajaran *wujudiyyah* dibakar di hadapan masjid Baiturrahman. Syeikh Nuruddin al-Raniri meninggal dunia pada tahun 1658 Masihi.¹⁸

Abdul Rauf Singkel

Nama penuh beliau ialah Abdul Rauf bin Ali al-Jawi al-Fansuri al-Sinkili dan beliau dilahirkan di Suro, sebuah desa pinggiran sungai yang sekarang merupakan sebuah wilayah di Kebupaten Singkil, Indonesia. Tarikh kelahirannya tidak diketahui secara pasti, namun ada pendapat yang mengatakan beliau dilahirkan sekitar tahun 1620 Masihi. Menurut Azyumardi Azra, Syeikh Abdul Rauf dilahirkan kira-kira tahun 1615 Masihi.¹⁹ Beliau dikenali dalam kalangan penduduk Aceh sebagai ‘Syiah Kuala’ atau ‘Tengku di Kuala’. Pendidikan pertamanya adalah daripada ayah beliau sendiri iaitu Syeikh Ali Fansuri sehingga beliau menguasai ilmu asas tentang Islam dan bahasa Arab. Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya ke Pasai dan merantau ke semenanjung Arab sekitar tahun 1842 Masihi. Setelah hampir 20 tahun beliau belajar di perantauan, Syeikh Abdul Rauf kembali semula ke Aceh pada tahun 1661 Masihi. Ratu Safiatuddin mengangkat Syeikh Abdul Rauf sebagai Qadi Malik al-‘Adil dan dengan jawatannya itu beliau berjaya menjadikan Aceh sebagai pusat keilmuan dan kerajaan Islam yang kuat di Nusantara ini. Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam penulisan dan dakwah kepada masyarakat setempat. Antara karya yang dihasilkan oleh beliau ialah *Mir'at al-Tulab* (*Cermin Pelajar*), *Turjuman al-Mustafid*, *Umdat al-Muhtajin*, *al-Tarikh al-Shatariyah*

¹⁷ Zulkefli Aini, Che Zarrina Sa’ari (2014), *Usaha Dakwah Nur Al-Din Al-Raniri Menentang Kesesatan Kaum Wujudiyyah Dalam Kitab Ma`A Al-Hayah Li Ahl Al-Mamat*, Afkar hlm. 72.

¹⁸ *Ibid* hlm. 75-78.

¹⁹ Iswandi (2019), *Pilar-pilar pendidikan Islam di Kesultanan Aceh* vol 3, Stai Yaptip Pasaman Barat hlm.115.

(tentang aliran sufi), Majmuk al-Masail (kerja-kerja sufi), Mawaiz al-Badiyah (pengajian hadith), Sham al-Marifah (tentang sufi), Hidayah al-Balighah (panduan untuk hakim), al-Mawaiz al Badiyah (etika Islam), Kifayah al Mu'tajin, Daqaiq al-Huruf dan Hadith Nabi.²⁰

2. Penulisan Karya-Karya Agung

Bustan al-Salātin

Nama penuh bagi kitab ini adalah Bustan al-Salātin fi Zikri al-Awwalīn wa al-Akhirīn (Taman para Sultan tentang Riwayat orang dahulu dan kemudian).²¹ Kitab ini menjadi karya yang paling utama dan mendapat sambutan dalam kalangan raja-raja Melayu khususnya di Aceh sendiri. Bustan al-Salātin merupakan antara karya yang terbesar yang pernah dihasilkan oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri. Kitab ini mula ditulis setelah beliau menetap di Aceh selama tujuh bulan. Karya agung ini juga dibuat atas permintaan Sultan Iskandar Thani. Selain itu, Syeikh Nuruddin al-Raniri menulis kitab ini menggunakan unsur didaktik dan ketatanegaraan. Kitab ini juga mengandungi sejarah para nabi dan rasul dan raja-raja, sejarah negara-negara Melayu seperti Melaka dan Pahang, ilmu falsafah, ilmu perubatan dan banyak lagi.²²

Bahasa Arab

Kebanyakan ilmuan Aceh mahir dalam penulisan karya-karya mereka di dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, Shamsuddin al-Sumaterani antara ilmuan yang mahir dalam bahasa Arab. Beliau banyak menulis kitab-kitab Arab seperti *Jawahir al-Haqaiq*, *Taubih al-Yullab fi Ma'rifah Malik al-Wahbab*, *Risalah Baiyin Mulahazat al-Muwahidin Ala al-Muhtadi*, *Fi Zikr Allah*, *Ktab al-Harakah* dan *Nur al-Daqaiq*.²³

Syair Kesufian

Hamzah Fansuri merupakan seorang tokoh yang banyak menghasilkan karya-karyanya dalam bentuk syair dan prosa. Syair-syair yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti Syair Dagang, Syair Si Burung Pingai, Syair Perahu, Syair Burung Pungguk, Syair Sidang Fakir dan Syair Ikan Tongkol dan antara kitab prosa yang dihasilkannya ialah Asrar al-Arifin, Syarab al-Asyikin dan al-Mutahi. Oleh itu, kebanyakan syair-syair yang dihasilkan oleh Hamzah Fansuri adalah mengenai tasawwuf dan akhlak manusia. Beliau juga memperkenalkan kepada masyarakat Melayu akan istilah konsep tasawwuf melalui penggunaan perkataan Arab di dalam

²⁰ Mohd Kohairuddin b. Mohd Balwi (t.t), *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, Jurnal Kemanusiaan h. 58

²¹ Musyaffa (2018), *Pemikiran dan Gerakan Dakwah Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*, Syi'ar Vol. 18 hlm. 77.

²² *Ibid* hlm. 77.

²³ Mohd Kohairuddin b. Mohd Balwi (t.t), *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, Jurnal Kemanusiaan hlm. 57.

syairstnya seperti *tauhid, wasil, azali, wujud, fana* dan sebagainya.²⁴ Lama kelamaan, perkataan-perkataan tersebut dapat diterima dan menjadi sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kitab-kitab Jawi (Agama)

Tokoh-tokoh ilmuan Aceh juga banyak menulis kitab-kitab jawi sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat Melayu. Kebanyakan kitab-kitab jawi yang ditulis oleh ilmuan Aceh ini masih menjadi rujukan kepada masyarakat Melayu di Nusantara sehingga hari ini. Contohnya, Shamsuddin al-Sumaterani banyak menulis kitab-kitab jawi. Antara kitab jawi yang ditulisnya seperti seperti *Mir'at al-Imam, Mir'at al-Mukminin, Syarah Mir'at Qulub, Mir'at al-Haqiqah, Mir'at al-Muhaqqiqin, Syarah Mir'at al-Qulub, Syarah Ruba'l Hamzah Fansuri dan Zikr Daairati Qaaba Qansaim aw Adna*. Selain itu, Sheikh Nuruddin al-Raniri juga banyak menulis kitab-kitab jawi yang menjadi rujukan sehingga hari ini. Karya utama yang beliau hasilkan dalam bahasa Melayu adalah Bustan as-Salātīn dan beliau juga menghasilkan beberapa karya seperti *Sirat al-Mustaqīm* (Jalan yang lurus), *Durrat al-Farā'id bi Syarah al-Aqā'id* (Permata Berharga tentang Penerangan Iman), *Hidayah al-Habib fi al-Tarqib wa al-Tarhib* (Panduan kepada pencinta tentang Kebahagiaan dan Ketakutan), *Latā'if al-Asrar* (Kesempurnaan Misteri) dan banyak lagi.²⁵

3. Fungsi dan Sumbangan Meunasah, Dayah dan Rangkang kepada Masyarakat Aceh.

Meunasah, dayah dan rangkang masing-masing mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri kepada masyarakat Aceh. Setiap institusi ini telah membawa masyarakat Aceh kepada kehidupan yang lebih sempurna berlandaskan syariat Islam. Antara fungsi dan sumbangan meunasah, dayah dan rangkang kepada masyarakat Aceh ialah sebagai pusat pembelajaran ilmu-ilmu keagamaan dan tempat peribadatan. Bermula di institusi-institusi inilah, masyarakat Aceh mula mengenal agama sejak kecil lagi. Di sini jugalah mereka belajar ilmu fiqh, hadith, bahasa Arab dan lain-lain.²⁶ Institusi ini juga menjadi simbol dalam kalangan masyarakat Aceh untuk bersemangat dalam menuntut ilmu dan fungsinya juga adalah supaya dapat memupuk nilai-nilai Islam dalam diri mereka. Selain belajar ilmu agama, meunasah, dayah dan rangkang juga menjadi tempat peribadatan bagi masyarakat Aceh untuk beribadat kepada Allah S.W.T.

Selain itu, meunasah, dayah dan rangkang juga dijadikan sebagai tempat pertahanan dan perbincangan para pejuang Aceh untuk menentang penjajah. Institusi ini dijadikan sebagai tempat berlindung bagi pahlawan Aceh untuk melancarkan serangan menentang kezaliman daripada penjajah. Setiap maklumat atau informasi yang diterima daripada penjajah akan dibawa ke institusi ini untuk berbincang dan merancang gerakan menentang penjajahan. Justeru, meunasah, dayah dan rangkang menjadi institusi yang banyak menyumbang kepada pembangunan insan serta mencerdaskan akal anak bangsa Aceh dan sekitarnya. Mereka yang belajar di institusi ini akan menjadi individu yang berakhlak dan berbudi pekerti. Namun

²⁴ *Ibid* hlm. 57.

²⁵ Mohd Kohairuddin b. Mohd Balwi (t.t), *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, Jurnal Kemanusiaan h. 58

²⁶ H.M. Syadli, Za, *Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh: Ulama, Meunasah Dan Rangkang* h, 137

begitu, meunasah, dayah dan rangkang juga berfungsi sebagai pusat kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Institusi ini dijadikan sebagai tempat perjumpaan, tempat bermesyuarat menyelesaikan masalah dan tempat untuk pemerintahan gampong/kampung (*bagi meunasah*).²⁷

Kesimpulan

Perkembangan institusi pendidikan di Aceh sememangnya memberi kesan kepada alam Nusantara ini khususnya kepada masyarakat di sekitar Aceh itu sendiri. Setiap institusi pendidikan ini mempunyai pelbagai peringkat dan fungsi kepada seluruh lapisan masyarakat. Meunasah, dayah, rangkang dan jami'ah masing-masing mempunyai fungsi yang tersendiri kepada masyarakat. Institusi-institusi ini banyak membantu masyarakat hidup berlandaskan syariat dan panduan agama dan menghindari mereka daripada kesesatan dan kejahilan. Hasil daripada sumbangan institusi-institusi tersebut dapat dilihat dengan lahirnya ilmuan atau ulama-ulama yang masyhur di kalangan masyarakat Aceh seperti Hamzah al-Fansuri, Nuruddin ar-Raniri, Shamsuddin al-Sumaterani dan Sheikh Abdurrauf al-Singkel. Masing-masing daripada ilmuan ini menyumbang pelbagai karya dan disiplin ilmu kepada masyarakat di Nusantara pada ketika itu dan karya-karya mereka juga masih digunakan oleh sebahagian masyarakat pada masa kini. Jelaslah bahawa peranan dan sumbangan institusi-institusi ini membantu manusia supaya tidak tunduk pada mana-mana penjajah daripada ditindas dan dizalimi di mana masyarakat dapat berjuang dan mempertahankan tanah air mereka sendiri.

²⁷ Muhsinah Ibrahim, *Dayah, Mesjid, Meunasah sebagai Lembaga Pendidikan dan Lembaga Dakwah DI Aceh*, Fakultas Dakwah UIN Ar-Raniry Banda Aceh h. 27

BIBLIOGRAFI

- Ibrahim, M. (2014). Dayah, Mesjid, Meunasah Sebagai Lembaga Pendidikan Dan Lembaga Dakwah Di Aceh. *Jurnal Al-Bayan*, 21(30).
- Hasbullah, Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia (Jakarta:Raja Grafindo Persada,2001), cet- ke 4,h.31-32
- Zulkefli Aini, C. Z. S. a. (2014). Usaha Dakwah Nur Al-Din Al-Raniri Menentang Kesesatan Kaum Wujudiyyah Dalam Kitab Ma`A Al-Hayah Li Ahl Al_Mamat. *Journal Afkar*, 15(69).
- Balwi, M. K. b. M. Tradisi Keilmuan dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara. *Jurnal Kemanusian*.
- H.M. Syadli, Z. (2003). Pendidikan Islam di Kesultanan Aceh : Ulama, Meunasah dan Rangkang. 20, 96.
- Hadi, A. (2014). Dinamika Sistem Institusi Pendidikan Di Aceh. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 2(3), 179.
- Nasrun, M. (2012). Fikih Melayu Nusantara era pra kolonial. *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 12(1).
- Mirsal, I. (2017). Dayah Cot Kala Dan Pendidikan Islam Di Nusantara. *At-Ta'dib*, 4, 2.
- Baba, S. H. Aceh : Pusat Dakwah Islamiyyah Pada Abad Ke 16 dan ke 18.
- Mahayudin, 2000, *Tamadun Islam*, Shah Alam :Fajar Bakti,
- Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*, (Banda Aceh: PENA, 2008).
- Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah, Pengawal Agama Masyarakat Aceh* (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003).
- Musyaffa. (2018). Pemikiran Dan Gerakan Dakwah Syeikh Nuruddin Ar-Raniry. 18(1).
- Muhsinah Ibrahim, *Dayah, Mesjid, Meunasah sebagai Lembaga Pendidikan dan Lembaga Dakwah di Aceh*, Fakultas Dakwah UIN Ar-Raniry Banda Aceh.